

01 SEP 2001

Indonesia-Kedutaan

KEDUTAAN M'SIA PERKENAL ANUGERAH PETUGAS CEMERLANG

JAKARTA, 1 Sept (Bernama) -- Kedutaan Malaysia di sini memperkenalkan anugerah petugas cemerlang bagi seramai 40 orang kakitangan tempatan mulai tahun ini sebagai insentif untuk mereka mencapai prestasi tinggi dan memberi perkhidmatan yang terbaik.

Duta Besar Malaysia ke Republik Indonesia, Datuk Rastam Mohd Isa ketika mengumumkan anugerah itu hari ini berkata ia akan dijadikan acara tahunan.

"Saya berharap anugerah ini akan menjadi galakan untuk mereka memberi perkhidmatan yang terbaik di kedutaan kita dan Malaysia," katanya ketika berucap pada perhimpunan Hari Kebangsaan ke-44 Malaysia di perkarangan bangunan kedutaan Malaysia di sini.

Pada majlis itu tiga kakitangan tempatan menerima anugerah sulung itu. Mereka ialah Emma Rosmariansa yang berkhidmat sejak tahun 1975 dan Mimik Alauwiyah yang mulai bertugas 1995, kedua-duanya kakitangan di bahagian pentadbiran.

Seorang lagi penerima ialah Prasatio, pemandu yang bertugas di atase pendidikan sejak 1999.

Seramai kira-kira 200 rakyat dan pelajar Malaysia di sini menghadiri perhimpunan itu yang antara lain upacara menaikkan bendera "Jalur Gemilang" dan penyampaian hadiah pesta sukan yang diadakan sempena perayaan itu.

Masyarakat Malaysia itu juga turut dihiburkan dengan persembahan pentas dan nyanyian daripada kumpulan kebudayaan Briged Seni dari Melaka yang diundang oleh kedutaan.

Mereka juga turut mengikuti rakaman ucapan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sempena perayaan Hari Kemerdekaan semalam melalui layar lebar menggunakan sistem projector.

Malam tadi, satu jamuan malam Hari Kebangsaan diadakan di sebuah hotel terkemuka di sini.

Kira-kira 500 orang rakyat Malaysia, para tetamu tempatan termasuk beberapa anggota kabinet Indonesia dan diplomat asing di Jakarta menghadiri majlis itu.

-- BERNAMA

OPP LAT